

## PERKEMBANGAN POLITIK TERKINI DI SUDAN

---

Print

### PERKEMBANGAN POLITIK TERKINI DI SUDAN

Kementerian Luar Negeri sedang memantau rapat perkembangan di Sudan, berikutan laporan pengambilalihan kerajaan oleh pihak tentera di sana.

Menurut Kedutaan Besar Malaysia di Khartoum, kesemua 42 rakyat Malaysia, termasuk 27 pelajar yang berdaftar dengan Kedutaan dilaporkan berada dalam keadaan selamat. Pegawai-pegawai Kedutaan sentiasa berhubung rapat dengan mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian akan terus berusaha melindungi kesemua kepentingan Malaysia di negara itu, termasuk Kompleks Petronas Sudan yang turut menempatkan Kedutaan Besar kita, dan Agensi-Agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Perkara-perkara di atas, termasuk kebimbangan Malaysia mengenai keselamatan rakyat kita di sana telah disampaikan kepada Kuasa Usaha Sudan, yang telah dipanggil ke Wisma Putra petang ini.

Kementerian menasihatkan rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular di Sudan untuk menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Khartoum menerusi saluran-saluran berikut:

#### **KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI KHARTOUM**

Alamat : Rumah Malaysia House 17, Block B21, Street Khalifa Abdullah, Al Riyadh

Telefon : +249 99 070 0350

E-mel : mwkhartoum@kln.gov.my

Media sosial : @Malawakil.Khartoum (Facebook) | @MYEmbKhartoum (Twitter)

#### **WISMA PUTRA**

Waktu pejabat : 03-88874201 / 4530 | Selepas waktu pejabat : 03-88874570

#### **PUTRAJAYA**

**25 Oktober 2021**